

D513

U B166 DEB

MAHATHIR - KERUSI

(I)

KUALA LUMPUR; 14 JULAI (BERNAMA) -- PENERUSI BARISAN NASIONAL DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SEKALI LAGI MENEGASKAN BAHAWA PERUNTUKAN KERUSI AKAN DILAKUKAN SECARA ADIL DI KALANGAN 13 PARTI KOMPONEN UNTUK PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

BELIAU BAGAIMANAPUN BERPENDAPAT TIDAKLAH MUNGKIN SEMUA PARTI KOMPONEN BERPUASHATI DENGAN KEPUTUSAN ITU (PERUNTUKAN KERUSI).

+JIKA SEMUA PARTI KOMPONEN PUASHATI, TENTULAH KITA SEMUA MALAIKAT,+ KATA PERDANA MENTERI KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN KONVENSYEN BAHASA KEBANGSAAN SEHARI DI UNIVERSITI MALAYA DI SINI HARI INI.

BELIAU PERCAYA SEMUA PARTI KOMPONEN TIDAK AKAN PUASHATI TETAPI INILAH INTIPATI SESUATU PERKONGSIAN - IAITU SETIAP ORANG MEMBUAT PENGORBANAN.

MENGENAI KENYATAAN TIMBALANNYA ENCIK GHAFAR BABA BAHAWA BN AKAN MENGGUNAKAN FORMULA MASA LEPAS DALAM PERUNTUKAN KERUSI, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, BELIAU PERLU MEMBINCANGKAN PERKARA ITU DENGAN ENCIK GHAFAR. ENCIK GHAFAR SETIAUSAHA AGUNG BN. - LAGI.

1257MST 14 07 86

D521

U B171 DEB

MAHATHIR - KERUSI 2 KUALA LUMPUR

(I)

MENGENAI MESYUARAT BIRO POLITIK UMNO DI SRI PERDANA MALAM INI, BELIAU ENGGAN MENYATAKAN SECARA LANGSUNG BAHAWA IA AKAN MEMBINCANGKAN DAN MENENTUKAN TARIKH PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

SEBALIKNYA, BELIAU BERKATA UMNO SERING MEMBINCANGKAN TARIKH PILIHAN RAYA YANG MUNGKIN DIADAKAN PADA TAHUN INI ATAU TAHUN DEPAN. MESYUARAT MALAM INI TIDAK BERBEZA DARIPADA MESYUARAT-MESYUARAT LEPAS, MEMBINCANGKAN TARIKH-TARIKH SERTA ISU-ISU LAIN YANG PENTING.

MENGENAI LAPORAN BAHAWA PAS MENCUBA MENARIK ANGGOTA-ANGGOTA GERAKAN BAGI MENYOKONG BARISAN PEMBANGKANG YANG BARU DIBENTUK, HARAKAH KEADILAN RAKYAT (HAK), DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEREKA BOLEH MENCUBANYA.

BELIAU KEMUDIAN MENYEBUT PERIBAHASA TERKENAL ABRAHAM LINCOLN SEBAGAI MENERANGKAN PERCUBAAN PAS ITU, + YOU CAN FOOL SOME OF THE PEOPLE SOME OF THE TIMES BUT NOT ALL THE PEOPLE ALL THE TIMES+. (ANDA BOLEH MEMPERDAYA SESETENGAH ORANG PADA MASA TERTENTU, TETAPI TIDAK SEMUA ORANG PADA SETIAP MASA).

APADILA DITANYA APAKAH NASIHATNYA KEPADA PARTI-PARTI KOMPONEN BN, BELIAU BERKATA BELIAU TIDAK NAMPAK SEBARANG MASALAH DI KALANGAN MEREKA OLEH KERANA MEREKA TELAH BEKERJASAMA SATU DENGAN LAIN SEJAK SEKIAN LAMA. - BERNAMA.

1316MST 14 07 86